

07 NOV 1996

Air (Laporan Khas) (Bergambar)

THAMES WATER DARI BRITAIN HADAPI MASALAH DI KELANTAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Sekurang-kurangnya dua bulan sekali sepanjang tahun ini, Datuk Bakri Mohamed terpaksa terbang ke London kerana dipanggil oleh para pengarah yang mulai gelisah dari Thames Water, syarikat air terkemuka British yang dijangka menjadi antara pelabur asing yang terbesar di Kelantan.

Kerana tertarik dengan potensi meluas di Kelantan dan jaminan yang diberi oleh kerajaan PAS yang memerintah negeri itu, Thames Water tahun lepas memeterai satu perjanjian usahasama dengan Yayasan Kelantan Darul Naim (Yakin) yang dikuasai oleh kerajaan negeri untuk mengendalikan penswastaaan bekalan air di negeri itu.

Untuk 25 tahun akan datang, syarikat usahasama itu, Kelantan Water Sdn Bhd yang Bakri menjadi pengerusi eksekutifnya, mengikut perjanjian akan membelanjakan RM2,000 juta bagi memperbaiki perkhidmatan air di Kelantan. Ini termasuk membina loji-loji dan makmal rawatan air serta memperkenalkan sistem pengebilan berkomputer yang tercanggih, seperti yang digunakan oleh Thames Water di London, yang dianggap antara yang paling efisien di dunia.

Setakat ini, Thames Water telah membelanjakan RM36 juta untuk memperbaiki perkhidmatan itu dengan rancangan jangka panjang ditumpukan terhadap usaha mencari sumber-sumber air yang baru, terutama dari sungai-sungai. Sumber-sumber air Kelantan selama ini hanya bergantung kepada telaga bawah tanah.

Tetapi bagi Bakri, seorang bekas mejar angkatan tentera, dan bagi Thames Water, bukan senang berurusan dengan Kelantan -- dan masalah bertambah rumit dengan pergeseran politik dalaman dan juga yang membabitkan kerajaan persekutuan.

" Saya terpaksa meyakinkan para pemegang saham Thames Water supaya memberi mandat kepada saya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Mereka setakat ini bersabar tetapi saya rasa kesabaran mereka ada hadnya," kata Bakri kepada Bernama melalui telefon hari ini dari London, di mana beliau dipanggil sekali lagi untuk memberi taklimat mengenai keadaan mutakhir kepada anggota lembaga pengarah syarikat itu.

Menurut Bakri, dua masalah utama menyekat pelaksanaan pelbagai rancangan di bawah perjanjian itu -- satu berhubung kait dengan kerajaan persekutuan dan yang satu lagi dengan kerajaan PAS.

" Masalah pertama ialah kegagalan kami untuk mendapatkan walau satu permit kerja untuk perunding dari Thames Water yang diperlukan bertugas di Kelantan untuk memindah teknologi seperti terkandung dalam perjanjian," kata Bakri.

" Saya fikir tiga perunding asing bagi sebuah syarikat yang mahu melabur RM2,000 juta di Malaysia bukanlah satu permintaan yang keterlaluan. Saya telah keluar masuk begitu banyak pejabat termasuk pejabat menteri tetapi gagal mendapatkan pas kerja berkenaan," kata Bakri.

Beliau membandingkan keadaan ini dengan sebuah lagi projek British di Kelantan, Empangan Hidro-elektrik Pergau, di mana 80 rakyat British telah diberi pas kerja.

Bakri bercadang untuk menghantar rayuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi, sambil berkata: " Dr Mahathir telah melawat begitu banyak negara untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia. Saya percaya beliau tidak mahu Malaysia menghantar isyarat yang salah kepada pelabur asing jika mereka sukar mendapat pas kerja di Malaysia."

Beliau berkata Thames Water sebenarnya hanya mahu menghantar bilangan pakar yang paling minimum berbanding pelabur asing lain yang kini berada di Malaysia.

Kelantan Water Sdn Bhd, yang dipunyai 70 peratus sahamnya oleh Thames Water dan 30 peratus oleh Yakin, telah menerapkan 500 kakitangan yang dahulunya bekerja dengan Jabatan Bekalan Air ekoran penswastaan itu.

Di akhir tempoh konsensi 25 tahun itu, saham terbesar syarikat itu akan dipindah milik kepada Yakin.

Masalah utama yang kedua ialah keputusan kerajaan Kelantan pada Mac lepas untuk membatalkan rancangan syarikat itu untuk mengenakan kadar air yang baru, ekoran bantahan daripada sesetengah pengguna.

"Kadar baru itu yang sepatutnya berkuatkuasa Mac lepas adalah yang terendah oleh syarikat air yang diswastakan di negara ini, tetapi kerajaan Kelantan telah membelakangkan perjanjian yang ia sendiri tandatangani," kata Bakri.

Bakri berkata apa yang berlaku adalah bertentangan dengan semangat dan logik dasar penswastaan.

"Semua agensi perkhidmatan yang diswastakan di negara ini mengenakan kadar yang lebih tinggi berbanding ketika menjadi jabatan-jabatan kerajaan sebelum ini. Lihat sajalah Telekom, Tenaga Nasional dan kadar tol lebuhraya yang semakin meningkat," katanya.

Bakri berkata dengan tidak mengenakan kadar swasta, Kelantan Water pada hakikatnya kini memberi subsidi kepada pengguna air di negeri itu.

Tetapi sama ada kerajaan Kelantan sedar atau tidak, kegagalan syarikat itu untuk mengenakan kadar swasta bermakna apa-apa kekurangan dalam pungutan hasil akan terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri di bawah peruntukan "Caj Perkhidmatan" dalam perjanjian itu.

Oleh itu, sejak Mac, kerajaan negeri berhutang tunggakan kepada Kelantan Water untuk caj perkhidmatan itu.

Bakri enggan menyatakan jumlah tunggakan itu kerana, menurutnya, di bawah perjanjian beliau tidak boleh berbuat demikian.

Tetapi sumber-sumber di Kota Bharu memberitahu Bernama kerajaan Kelantan kini berhutang sebanyak RM12 juta kepada syarikat itu untuk tunggakan berkenaan.

Beliau mahu menyelesaikan perkara ini dengan pihak berkuasa Kelantan tidak lama lagi kerana ia adalah kunci kepada kesinambungan pelaksanaan rancangan lain di bawah perjanjian itu.

"Air adalah komoditi yang begitu penting tetapi malangnya, pihak berkuasa di Kelantan nampaknya tidak menunjukkan mereka faham tentang ini," kata Bakri.

-- BERNAMA

AU AHH